

Newspaper	Berita Harian
Date	7 December 2015

## Kagum ketokohan **Dr Siti Hasmah**

**PSWM** mengambil inisiatif menubuhkan Kursi Dr Siti Hasmah sebagai tanda hormat dan kagum terhadap tokoh wanita yang banyak berbakti kepada negara terutama berkaitan wanita serta kanak-kanak.

Fauziah berkata, projek Kursi Dr Siti Hasmah dimulakan pada tahun 1996 dengan penubuhan Tabung Dasiswa PSWM.

Katanya, berkat sumbangan murni daripada pelbagai pihak,

kursi berkenaan berjaya ditubuhkan dan ditempatkan di UM kerana statusnya sebagai universiti pertama ditubuhkan di negara ini.

### Terbuka kepada semua universiti

"Begitupun, pemegang kursi tidak terhad kepada profesor wanita daripada universiti ini saja, malahan terbuka kepada universiti lain di Malaysia atau di luar negara," katanya.

Sebelum ini, penyandang pertama Kursi Dr Siti Hasmah diberikan kepada Prof Halijah Ibrahim pada 26 Ogos 2003 dengan kajian bertajuk *Biodiversity Studies and Bioprospecting of Zingiberaceae Species for Selected Medicinal Properties*.

Penyandang kursi kedua, Prof Dr Nik Meriam Nik Sulaiman pada 15 Jun 2010 dengan tajuk kajian *Transforming Sustainability Strategy Into Action - The Case For Malaysian Process Industry*.



**Dr Siti Hasmah** (kiri) bersalaman dengan Abu Kasim Ibrahim (kanan) sambil diperhatikan oleh Halimah (dua kanan) dan Dr Noor Hayaty.